


KERTAS 3 (1103/3)**BAHAGIAN A: TAKSIRAN INDIVIDU
40 MARKAH
(MASA TAKSIRAN: 3 HINGGA 5 MINIT)****TAKSIRAN 1**

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

**KEPUPUSAN HAIWAN LIAR**

Aktiviti pembalakan dan pembersihan hutan merupakan salah satu faktor yang menyebabkan kepupusan hidupan liar. Hal ini secara langsung memusnahkan habitat hidupan liar. Kepupusan hidupan liar turut terjadi akibat sikap cuai manusia. Antaranya termasuklah lalai ketika menggunakan ubat pelali sewaktu menyelamatkan hidupan liar, mengenakan tali ikatan yang terlalu kuat hingga boleh membunuh haiwan liar dan tidak menyediakan persekitaran yang sesuai bagi hidupan liar yang ditempatkan di pusat-pusat pemeliharaan. Hidupan liar seharusnya diberi perlindungan kerana hidupan liar berupaya untuk memajukan sektor pelancongan selain menjadi aset penting dalam bidang penyelidikan perubatan demi kesihatan manusia. Selain itu, perlindungan dan pemeliharaan hidupan liar juga mampu mendatangkan pendapatan kepada negara melalui pengeluaran lesen-lesen kepada para pemburu.

SOALAN-SOLAN:

1. Nyatakan punca-punca kepupusan haiwan liar.
2. Berikan kepentingan mengekalkan haiwan liar dalam sesebuah negara.
3. Berdasarkan pengetahuan anda, apakah tindakan yang paling efisien untuk menangani kepupusan haiwan liar?
4. Aktiviti pemburuan haiwan liar secara haram semakin berleluasa untuk mendapatkan keuntungan yang lumayan. Berikan ulasan anda.

TAKSIRAN 2

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

KEBUDAYAAN TRADISIONAL

Generasi muda mempunyai tanggungjawab untuk melestarikan kebudayaan tradisional, misalnya dengan bergiat aktif dalam kelab kebudayaan tradisional. Dalam hal ini, remaja tidak sepatutnya mengagungkan budaya Barat. Apabila remaja menyertai aktiviti yang berasaskan permainan tradisional, mereka dapat belajar cara bermain permainan tradisional daripada kaum-kaum lain. Hal ini secara tidak langsung mewujudkan semangat perpaduan antara kaum. Di samping itu, remaja harus mempraktikkan kebudayaan tradisional dalam kehidupan supaya dapat membentuk jati diri yang teguh. Remaja juga dapat menjadi contoh dalam keluarga untuk memperkenalkan kebudayaan tradisional yang istimewa ini. Kesannya, anggota keluarga yang lebih muda akan tertarik untuk berkecimpung dalam bidang kebudayaan tradisional.

SOALAN-SOALAN

1. Berikan jenis-jenis kebudayaan tradisional yang terdapat di Malaysia.
2. Apakah tanggungjawab remaja untuk melestarikan kebudayaan tradisional?
3. Pada pendapat anda, apakah usaha yang dapat dilakukan oleh ibu bapa untuk memperkenalkan dan meningkatkan minat anak-anak mereka terhadap kebudayaan tradisional?
4. Kebanyakan remaja kini lebih tertarik kepada permainan berteknologi berbanding dengan permainan tradisional. Berikan ulasan anda.

BAHAGIAN B: TAKSIRAN KUMPULAN
30 MARKAH
(MASA TAKSIRAN: 12 HINGGA 15 MINIT)
CALON 4 – 5 ORANG

Kini, semakin ramai dalam kalangan rakyat Malaysia yang mengamalkan gaya hidup sihat. Mereka melakukan aktiviti riadah dan rekreasi seperti berjoging, mendaki bukit, dan mengayuh basikal. Aktiviti-aktiviti seperti ini besar manfaatnya dalam usaha melahirkan warganegara yang sihat, cergas, dan berproduktiviti.

Bincangkan

JAWAPAN TAKSIRAN 1 INDIVIDU**SOALAN-SOLAN:**

1. Nyatakan punca-punca kepupusan haiwan liar.

Punca-punca kepupusan haiwan liar ialah dijerat dan dibunuh oleh pembunuh haram, aktiviti pembalakan dan pembersihan hutan, serta sikap cuai manusia seperti lalai ketika menggunakan ubat pelali sewaktu menyelamatkan hidupan liar, mengenakan tali ikatan yang terlalu kuat hingga boleh membunuh haiwan liar dan tidak menyediakan persekitaran yang sesuai bagi hidupan liar yang ditempatkan di pusat-pusat pemeliharaan.

2. Berikan kepentingan mengekalkan haiwan liar dalam sesebuah negara.

Kepentingan mengekalkan haiwan liar dalam sesebuah negara adalah untuk memajukan sektor pelancongan selain menjadi aset penting dalam bidang penyelidikan perubatan demi kesihatan manusia. Selain itu, perlindungan dan pemeliharaan hidupan liar juga mampu mendatangkan pendapatan kepada negara melalui pengeluaran lesen-lesen kepada para pemburu.

3. Berdasarkan pengetahuan anda, apakah tindakan yang paling efisien untuk menangani kepupusan haiwan liar?

Berdasarkan pengetahuan saya, tindakan yang paling efisien untuk menangani kepupusan haiwan liar adalah dengan memelihara dan memulihara habitat haiwan liar dengan sebaik-baiknya, mengharamkan aktiviti pemburuan haiwan liar untuk tujuan apa-apa pun, mengenakan hukuman yang lebih berat kepada pemburu haram, serta kerap mengawal dan memantau kawasan habitat haiwan liar supaya tidak terdapat aktiviti pemburuan haram.

4. Aktiviti pemburuan haiwan liar secara haram semakin berleluasa untuk mendapatkan keuntungan yang lumayan. Berikan ulasan anda.

Aktiviti pemburuan haiwan liar secara haram semakin meningkat kerana keuntungan yang amat lumayan yang diperoleh oleh pemburu haram melalui penjualan haiwan-haiwan tersebut. Organ-organ tertentu seperti taring, bulu, kulit, sumbu dan gading haiwan-haiwan seperti buaya, badak sumbu, harimau, gajah, tenggiling dan sebagainya memiliki nilai yang amat tinggi dan banyak permintaannya. Hal inilah yang membuatkan pemburu haram sanggup menjalankan aktiviti jahat mereka walaupun berdepan dengan risiko yang besar. Akibatnya, jumlah haiwan liar semakin berkurang dan ada spesies yang terus pupus di Malaysia.

JAWAPAN TAKSIRAN 2 INDIVIDU**SOALAN-SOALAN**

1. Berikan jenis-jenis kebudayaan tradisional yang terdapat di Malaysia.

Antara kebudayaan tradisional yang terdapat di Malaysia termasuklah pakaian, makanan, permainan, tarian dan kesenian kebudayaan.

2. Apakah tanggungjawab remaja untuk melestarikan kebudayaan tradisional?

Tanggungjawab remaja untuk melestarikan kebudayaan tradisional adalah dengan bergiat aktif dalam kelab kebudayaan tradisional, tidak mengagungkan budaya Barat, mempraktikkan kebudayaan tradisional dalam kehidupan dan menjadi contoh dalam keluarga untuk memperkenalkan kebudayaan tradisional.

3. Pada pendapat anda, apakah usaha yang dapat dilakukan oleh ibu bapa untuk memperkenalkan dan meningkatkan minat anak-anak mereka terhadap kebudayaan tradisional?

Pada pendapat saya, usaha yang dapat dilakukan oleh ibu bapa untuk memperkenalkan dan meningkatkan minat anak-anak mereka terhadap kebudayaan tradisional yang ada di Malaysia dan mengajarkan mereka supaya berbangga dan menghargai kebudayaan tersebut. Selain itu, mengajarkan mereka permainan tradisional untuk mengisi masa lapang atau bersama-sama membuat makanan tradisional di rumah. Ibu bapa boleh menghantar anak-anak mereka mengikuti kelas tarian tradisional, silat, kelas membuat pakaian tradisional dan sebagainya.

4. Kebanyakan remaja kini lebih tertarik kepada permainan berteknologi berbanding dengan permainan tradisional. Berikan ulasan anda.

Kebanyakan remaja kini sanggup menghabiskan masa selama berjam-jam di rumah untuk bermain permainan video atau melayari laman sosial sahaja. Mereka tidak gemar melakukan aktiviti di luar rumah seperti bermain permainan tradisional. Hal ini dikatakan demikian kerana remaja menganggap permainan tradisional seperti sepak takraw, congkak, wau dan batu seremban ialah permainan yang membosankan, memenatkan dan ketinggalan zaman. Sebaliknya, permainan berteknologi tinggi lebih menyeronokkan kerana mempunyai cabaran tertentu, bervariasi dan tidak memerlukan banyak tenaga.